

# Ilmu dapat imbangi kehidupan dunia, akhirat

PERINGATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cabaran umat Islam sejagat dan kepentingan perpaduan untuk membentuk masa depan yang gemilang dianggap tepat pada waktunya.

Ulama tempatan yang menghadiri Multaqa Ulama Sedunia di sini turut bersetuju dengan saranan Perdana Menteri supaya umat Islam terus mencari ilmu bagi memastikan kepentingan dunia dan akhirat dapat diimbangi.

Imam Besar Masjid Negara, Datuk Firdaus Ismail al-Hafiz, berkata beliau diberitahu oleh peserta seminar dari luar negara bahawa ucapan Perdana Menteri mengagumkan mereka.

“Dr Mahathir menyentuh mengenai dunia nyata yang terpaksa dialui umat Islam. Dari situ kita dapat melihat pentingnya penyatuan ilmu.

“Ilmu akhirat dan ilmu dunia yang disatukan boleh membawa umat Islam ke arah kemajuan bukan setakat di dunia, malah mendapat keberkatan di akhirat,” katanya.

Mufti Perlis, Datuk Mat Jahaya Hussin, berkata Dr Mahathir mengingatkan umat Islam mengenai kepentingan menimba ilmu pengetahuan, terutama fardu ain dan fardu kifayah yang seharusnya digerakkan secara bersama dalam kehidupan.

“Ilmu amat penting bagi membolehkan umat Islam melakukan ibadat, muamalat dan sebagainya. Dengan adanya penggabungan kedua-dua ilmu ini, umat Islam mampu mencapai kejayaan dalam kehidupan,” katanya.

Mengenai tafsiran salah terhadap Islam, beliau berkata, ia perlu diperbetulkan melalui azam umat Islam untuk kembali kepada al-Quran dan hadis.

Sehubungan itu, katanya, seluruh umat Islam harus kembali menghayati panduan hidup yang disediakan Allah dalam al-Quran.

Mufti Kedah, Datuk Syekh Hasbullah Abdul Halim, berkata ucapan Dr Mahathir seharusnya membuka minda umat Islam terhadap ancaman kuasa besar yang sering menganggap Islam sebagai ancaman kepada Barat.

“Umat Islam harus membuka minda. Kuasa besar mungkin menjajah semula umat Islam sama ada melalui ekonomi atau sosial,” katanya.

Bertitik tolak daripada itu, katanya, umat Islam harus mampu memberikan penjelasan kepada masyarakat dunia mengenai Islam sebenarnya.

Bekas pensyarah Akademi Islam Universiti Malaya (UM), Prof Dr Abdul Hayei Abdul Shukur berkata, Dr Mahathir mengingatkan umat Islam bahawa Islam diturunkan ke dunia ini bukan